

# Jaminan PM kepada parti komponen **Umno** tidak tamak kerusi

BH - 7 AUG 1989

IPOH, Ahad — Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Umno tidak berniat untuk merebut kerusi yang diperuntukkan kepada parti komponen Barisan Nasional (BN).

Sambil memberikan jaminan itu, Perdana Menteri yang juga Presiden Umno berkata, kerusi yang diperuntukkan kepada parti komponen akan hanya diambil jika dapat digantikan dengan kerusi di kawasan lain.

Sekiranya tidak dapat diganti dengan kerusi lain, maka sukarlah Umno hendak memenuhi permintaan ahli-ahlinya supaya kerusi tertentu diberikan kepada Umno, kata Datuk Seri Dr Mahathir.

Berucap merasmikan persidangan perwakilan Umno bahagian Gopeng dekat sini, hari ini, beliau berkata, Umno bukan sahaja ingin mengelak perebutan dalam parti, tetapi juga mahu mengelak perebutan antara parti komponen BN.

Ini penting demi memelihara semangat kerjasama antara parti komponen Barisan Nasional bagi memastikan ia terus kukuh, katanya.

"Inilah masalah kita. Bukannya kita tidak mahu melavani permintaan seumpama itu.

tetapi adalah kerana keadaan (tidak mengizinkan)," katanya.

Sambil menyentuh pentingnya kerjasama antara rakyat pelbagai kaum, Datuk Seri Dr Mahathir menegaskan bahawa kerjasama yang sedia terjalin antara parti komponen BN perlulah terus dipelihara.

Pada masa yang sama, katanya, Umno yang menjadi tulang belakang kerajaan BN juga harus kekal sebagai sebuah parti yang kuat bagi memastikan gabungan itu tidak menghadapi perpecahan, katanya.

## Pertumbuhan

Perjuangan Umno, katanya, bukan sahaja memberi kesan kepada orang Melayu tetapi kepada semua kaum dan negara keseluruhannya.

"Keadaan negara yang baik hari ini, aman dan mengalami pertumbuhan ekonomi yang pesat adalah kerana Umno sebagai parti yang besar, mengetuai Barisan Nasional. Orang Melayu terasa tidak begitu terancam dan menerima dasar-dasar Barisan Nasional.

"Sekiranya mereka meragui dan tidak senang hati dengan dasar-dasar Barisan Nasional, kita tidak tahu apa yang mungkin terjadi kepada negara ini," katanya. — Bernama